



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

BAYARAN BANTUAN BULANAN JKM BAGI BULAN MEI 2022 DIAWALKAN SEMPENA PERAYAAN AIDILFITRI

Sempena perayaan Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil inisiatif untuk mempercepatkan bayaran bantuan bulanan bagi bulan Mei 2022.

Sehubungan dengan itu, bayaran bantuan bulanan JKM bagi bulan **Mei 2022** akan dikreditkan kepada penerima bantuan mulai **25 haribulan April hingga 30 haribulan April 2022**. Bayaran bantuan bulanan bagi bulan **Jun 2022** akan dikreditkan pada tarikh asal iaitu antara **1 haribulan hingga 10 haribulan Jun 2022**.

Adalah diharapkan agar para penerima bantuan bulanan JKM memanfaatkan perkara ini sebaiknya.

#####

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Aras 18,

Jabatan Kebajikan Masyarakat.

19 April 2022